KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **16 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 2 strategi interim lindungi pengguna

**Petaling Jaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenal dua strategi interim untuk melindungi pengguna, berkaitan hak tebus rugi, terutama bagi pembelian kenderaan bermotor sebelum kerangka perundangan baharu berhubung Lemon Law dimuktamadkan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata menerusi kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi perbankan, strategi itu adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memproses permohonan surat persetujuan daripada pengguna, selain institusi perbankan terbabit diminta menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima serta memproses permohonan tersebut.

"Bermula 2 September lalu, BNM keluarkan arahan meminta bank dan juga institusi kewangan supaya mewujudkan SOP bagi membolehkan pengguna memohon serta mendapatkan surat persetujuan.

"Susulan kerjasama itu, BNM mengarahkan institusi perbankan melaksanakan kedua-dua inisiatif sebelum 3 Disember ini," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan syarikat Carsome Group di sini, semalam.

Armizan berkata, strategi itu adalah inisiatif intervensi oleh kerajaan bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada penyelesaian yang adil dan berkesan sebelum pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Beliau berkata, ketika ini melalui perundangan sedia ada, platform untuk pengguna menuntut hak ialah Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM).

Katanya, melalui strategi itu, mereka boleh mendapatkan penyelesaian bagi masalah dihadapi selaras dengan prinsip perlindungan pengguna di negara ini.

"Mulai Januari hingga Ogos tahun ini, KPDN menerima 114 jumlah pemfailan tuntutan tebus rugi bagi kenderaan dan 187 pemfailan membabitkan kenderaan terpakai di TTPM, manakala 16 aduan lain diterima dirujuk kepada pasukan rundingan khas setakat Januari hingga September tahun ini," katanya. BERNAMA



*Armizan mengadakan lawatan selepas perjumpaan dengan syarikat Carsome Group, semalam.* (Foto BERNAMA)

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 5

KPDN perkenal dua strategi interim lindungi pengguna

# Bantu pengguna buat tuntutan tebus rugi di TTPM

Oleh RASDAN AHMAD

**PETALING JAYA** – Kerjasama strategik antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi perbankan akan membantu pengguna untuk membuat tuntutan tebus rugi (redress) bagi pembelian kenderaan bermotor.

Ini kerana pengguna kini sukar membuat tuntutan itu kerana tafsiran pemilikan kenderaan di bawah Akta Sewa Beli 1967 (Akta 212) adalah pihak bank yang memberi pinjaman, manakala pembeli hanya penyewa kenderaan sehingga selesai bayaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, situasi itu menyukarkan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membuat keputusan yang memihak kepada pembeli.

"BNM telah mengarahkan institusi perbankan untuk melaksanakan beberapa inisiatif sebelum 3 Disember 2024. Antaranya adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) untuk memproses permohonan surat persetujuan (consent letter) daripada pengguna.

"*Consent letter* daripada institusi kewangan dan pemilik kenderaan sah di bawah Akta 212 ini boleh digunakan oleh peminjam untuk membuat tuntutan tebus rugi di TTPM bagi kenderaan bermotor baharu yang rosak dan tidak dapat dibaiki.

"Pada masa sama, institusi perbankan juga telah diminta untuk menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima dan memproses sebarang permohonan surat persetujuan daripada pengguna," katanya ketika mengadakan lawatan ke Carsome Group di sini semalam.




**ARMIZAN (tengah) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Carsome, Eric Cheng (kiri) pada Program Lawatan Kerja ke Carsome di Petaling Jaya semalam.**

> "Pada masa sama, institusi perbankan juga telah diminta untuk menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima dan memproses sebarang permohonan surat persetujuan daripada pengguna."
>
> ARMIZAN

Katanya, inisiatif itu merupakan salah satu daripada dua strategi interim yang dilaksanakan oleh KPDN untuk melindungi hak pengguna berkaitan hak tebus rugi sebelum kerangka perundangan baharu berhubung Lemon Law dimuktamadkan.

Selain itu, penubuhan Pasukan Rundingan Khas Berkaitan Aduan Kenderaan Bermotor di KPDN diwujudkan berfungsi sebagai pemudah cara bagi aduan pengguna berkaitan kenderaan bermotor bagi pengguna yang membeli kenderaan baharu.

"Kaedah rundingan yang digunakan adalah kaedah rundingan *tripartite* kementerian, pembeli kereta dan pengedar serta pengilang," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 13

# 12,519 kes langgar ATS direkod

**Shah Alam:** Sebanyak 12,519 kes berhubung kesalahan di bawah Akta Timbang Sukat (ATS) 1972 direkodkan bahagian penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi tempoh 2020 hingga September lalu di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDN Aris Mamat berkata, statistik itu mencerminkan usaha konsisten dan proaktif pihaknya untuk memastikan integriti timbangan dan sukatan dalam urusan jual beli dipatuhi oleh peniaga demi kepentingan pengguna.

"KPDN komited melindungi pengguna dan konsisten memastikan peniaga mematuhi piawaian ditetapkan dan mereka yang didapati melakukan penyelewengan atau ketidakpatuhan peraturan tidak akan terlepas berhadapan dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas.

"Adalah diingatkan pelanggaran peruntukan di bawah ATS 1972 jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM40,000, penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya dan alat timbang sukat itu boleh dimohon lucut hak daripada mahkamah," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 18

# Dua strategi interim lindungi hak pengguna sebelum *Lemon Law* dimuktamad

**PETALING JAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenalkan dua strategi interim untuk melindungi pengguna berkaitan hak tebus rugi terutama bagi pembelian kenderaan bermotor sebelum kerangka perundangan baharu berhubung *Lemon Law* dimuktamad.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, menerusi kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi perbankan, strategi itu adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memproses permohonan surat persetujuan daripada pengguna selain institusi perbankan terbabit diminta menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima serta memproses permohonan tersebut.

"Bermula 2 September lepas, pihak BNM telah keluarkan arahan meminta bank dan institusi kewangan mewujudkan SOP bagi membolehkan pengguna memohon serta mendapatkan surat persetujuan.

"Susulan kerjasama itu, BNM telah mengarahkan institusi perbankan melaksanakan kedua-dua inisiatif sebelum 3 Disember ini," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan Carsome Group di sini pada Selasa.



Armizan (tengah) ketika hadir bagi lawatan kerja dan perjumpaan bersama syarikat Carsome Group di Carsome PJ Auto Mall pada Selasa.

Beliau berkata, strategi itu adalah inisiatif intervensi kerajaan bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada penyelesaian yang adil dan berkesan sebelum pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Armizan berkata, ketika ini melalui perundangan sedia ada, platform untuk pengguna menuntut hak mereka ialah Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM).

"Mulai Januari hingga Ogos tahun ini, KPDN menerima 114 jumlah pemfailan tuntutan tebus rugi bagi kenderaan dan 187 pemfailan membabitkan kenderaan terpakai di TTPM manakala 16 aduan lain yang diterima telah dirujuk kepada pasukan rundingan khas setakat Januari hingga September tahun ini," katanya.

KPDN sedang mengkaji penguatkuasaan perundangan berkaitan *Lemon Law* di Malaysia yang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan lain untuk mendapatkan remedi bagi produk yang berulang kali rosak serta gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 1

# Kiosk roof falls on cars



THE roofing of the Petronas fuel station at Batu 8, Bukit Garam, Kinabatangan, collapsed following strong winds and heavy rain on Monday, causing damage to at least six vehicles.

Kinabatangan District Police Chief Supt Ravi Duraisamy said the vehicles were re-fuelling at the station when the incident occurred at 4.30pm.

No casualties were reported.

The vehicles that were damaged were a Perodua Alza, Perodua Myvi, Toyota Vigo, Proton Exora, Proton X70 and Isuzu D-Max.

The fuel station was officiated by Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali in July.

Picture (Facebook) shows the condition of the fuel station following the incident.- Mardinah Jikur

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 6

# 12,519 cases under weights and measures recorded: KPDN

SHAH ALAM: A total of 12,519 cases involving offences under the Weights and Measures Act (ATS) 1972 were recorded by the enforcement division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) nationwide from 2020 to September this year.

KPDN Deputy-Director of Enforcement (Prevention) Aris Mamat said the statistics reflected the ministry's ongoing and proactive efforts to ensure that traders adhered to the integrity of weights and measures in buying and selling for the benefit of consumers.

"KPDN is committed to protecting consumers and consistently ensuring that traders adhere to established standards. Those found to have committed irregularities or non-compliance will not evade strict enforcement actions.

"A violation of the provisions under the ATS 1972 could result in a maximum fine of RM40,000, imprisonment for up to three years, or both, and the court may also order the forfeiture of the weighing instrument," he said Tuesday.

He said this after heading a team of 20 KPDN enforcement officers to perform spot checks at three petrol stations around Kuala Selangor to ensure that the fuel charged to consumers matched the amount supplied through pump dispensers.

Elaborating, Aris said that the ATS 1972 enforcement compliance inspections at petrol stations led to actions against the misuse of subsidised diesel fuel under Ops Tiris, resulting in the seizure of diesel valued at approximately RM16.5 million from January to September this year.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 5

# 12,519 cases under Weights and Measures Act recorded as of September

**SHAH ALAM:** A total of 12,519 cases involving offences under the Weights and Measures Act (ATS) 1972 were recorded by the enforcement division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) nationwide from 2020 to September this year.

KPDN deputy-director of Enforcement (Prevention) Aris Mamat said the statistics reflected the ministry's ongoing and proactive efforts to ensure that traders adhered to the integrity of weights and measures in buying and selling for the benefit of consumers.

"KPDN is committed to protecting consumers and consistently ensuring that traders adhere to established standards. Those found to have committed irregularities or non-compliance will not evade strict enforcement actions.

"A violation of the provisions under the ATS 1972 could result in a maximum fine of RM40,000, imprisonment for up to three years, or both, and the court may also order the forfeiture of the weighing instrument," he said Tuesday.

He said this after heading a team of 20 KPDN enforcement officers to perform spot checks at three petrol stations around Kuala Selangor to ensure that the fuel charged to consumers matched the amount supplied through pump dispensers.

Elaborating, Aris said that the ATS 1972 enforcement compliance inspections at petrol stations led to actions against the misuse of subsidised diesel fuel under Ops Tiris, resulting in the seizure of diesel valued at approximately RM16.5 million from January to September this year.

"This brings the total amount of diesel seized from 2020 to 2024 to RM52.68 million," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 12

# Two strategies to protect consumer rights before Lemon Law finalised

**PETALING JAYA:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has rolled out two interim strategies to protect consumers regarding the right to claim compensation, particularly for motor vehicle purchases, before a new legal framework related to the Lemon Law is finalised.

Its minister, Datuk Armizan Mohd Ali said the strategies include establishing a standard operating procedure (SOP) to process applications for consent letters from consumers, in addition to requesting banking institutions to set up a dedicated internal unit to receive and process any such applications through a collaboration with Bank Negara Malaysia (BNM) and banking institutions.

"Starting from September 2, BNM has already issued a directive asking banks and other financial institutions to establish an SOP to allow consumers to apply for and obtain a consent letter.

"Following this cooperation, BNM has instructed banking institutions to implement both initiatives by December 3," he told a press conference after a meeting with Carsome Group here Tuesday.

He said these strategies are the government's intervention initiatives to ensure consumers have access to fair and effective solutions before Lemon Law is implemented.

He said under the current legislation, the platform for vehicle consumers to claim their rights is through the Malaysian Consumer Claims Tribunal (TTPM), where consumers can obtain solutions to issues they are facing, in line with the consumer protection principles in the country. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 3



# KPDN: 12,519 cases under ATS recorded as of September

**SHAH ALAM:** A total of 12,519 cases involving offences under the Weights and Measures Act (ATS) 1972 were recorded by the enforcement division of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) nationwide from 2020 to September this year.

KPDN deputy-director of enforcement (prevention) Aris Mamat said the statistics reflected the ministry's ongoing and proactive efforts to ensure that traders adhered to the integrity of weights and measures in buying and selling for the benefit of consumers.

"KPDN is committed to protecting consumers and consistently ensuring that traders adhere to established standards. Those found to have committed irregularities or non-compliance will not evade strict enforcement actions.

"A violation of the provisions under the ATS 1972 could result in a maximum fine of RM40,000, imprisonment for up to three years, or both, and the court may also order the forfeiture of the weighing instrument," he said yesterday. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 1

# KPDN bekerjasama dengan agensi berkaitan pantau harga sayur

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan kerjasama dan perbincangan dengan kementerian serta agensi berkaitan mengenai isu harga sayur-sayuran yang dijangka meningkat sehingga tiga kali ganda pada hujung tahun ini.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata pihaknya mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan akan mengambil langkah intervensi sekiranya berlaku kenaikan secara mendadak.

"Masih terlalu awal untuk saya komen tetapi kami memantau sebarang kenaikan harga, pergolakan harga atau isu berkaitan termasuk bekalan makanan.

"Kami juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Sekiranya ada keperluan, kami akan mengambil langkah intervensi," katanya. — Bernama



**RUNTUH:** Enam kereta rosak akibat dihempap siling stesen minyak yang runtuh.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 16/10/2024

M/SURAT: 7




**UNTUK ALBUM:** Armizan (tiga kanan) bergambar sempena lawatan kerja dan perjumpaan bersama syarikat Carsome Group di Carsome PJ Auto Mall dekat Petaling Jaya, semalam. Turut sama Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar (dua kanan), Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Carsome Eric Cheong (tiga kiri) dan Pengarah Wilayah Hal Ehwal Korporat Carsome Leeroy Ting Kah Sing (dua kanan).

# KPDN perkenal dua strategi interim lindungi hak pengguna sebelum Lemon Law dimuktamad

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenal dua strategi interim untuk melindungi pengguna berkaitan hak tebus rugi terutama bagi pembelian kenderaan bermotor sebelum kerangka perundangan baharu berhubung Lemon Law dimuktamad.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata menerusi kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi perbankan, strategi itu adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memproses permohonan surat persetujuan daripada pengguna selain institusi perbankan terbabit diminta menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima serta memproses permohonan tersebut.

"Bermula 2 Sept lepas, pihak BNM telahpun keluarkan arahan meminta bank dan juga institusi kewangan supaya mewujudkan SOP bagi membolehkan pengguna memohon serta mendapatkan surat persetujuan.

"Susulan kerjasama itu, BNM telah mengarahkan institusi perbankan untuk melaksanakan kedua-dua inisiatif sebelum 3 Dis ini," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan syarikat Carsome Group di sini semalam.

Beliau berkata strategi itu adalah inisiatif intervensi oleh kerajaan bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada penyelesaian yang adil dan berkesan sebelum pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Armizan berkata ketika ini melalui perundangan sedia ada, platform untuk pengguna menuntut hak mereka ialah Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM).

Beliau berkata melalui strategi itu, mereka boleh mendapatkan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi selaras dengan prinsip perlindungan pengguna di negara ini.

"Mulai Januari hingga Ogos tahun ini, KPDN menerima 114 jumlah pemfailan tuntutan tebus rugi bagi kenderaan dan 187 pemfailan membabitkan kenderaan terpakai di TTPM manakala 16 aduan lain yang diterima telah dirujuk kepada pasukan rundingan khas setakat Januari hingga September tahun ini," katanya.

KPDN sedang mengkaji pelaksanaan serta penguatkuasaan perundangan berkaitan Lemon Law di Malaysia yang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan lain untuk mendapatkan remedi bagi produk yang berulang kali rosak serta gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

Remedi yang boleh dituntut di bawah Lemon Law membabitkan pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 16

# Lindungi hak pengguna

## • KPDN perkenal strategi interim

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenal dua strategi interim untuk melindungi pengguna berkaitan hak tebus rugi terutama bagi pembelian kenderaan bermotor sebelum kerangka perundangan baharu berhubung Lemon Law dimuktamad.

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata, menerusi kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi perbankan, strategi itu adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memproses permohonan surat persetujuan daripada pengguna selain institusi perbankan terbabit diminta menubuhkan unit dalaman khusus untuk menerima serta memproses permohonan tersebut.

"Bermula 2 September lepas, pihak BNM telah keluarkan arahan meminta bank dan juga institusi kewangan supaya mewujudkan SOP bagi membolehkan pengguna memohon serta mendapatkan surat persetujuan.

"Susulan kerjasama itu, BNM telah mengarahkan institusi perbankan untuk melaksanakan kedua-dua inisiatif sebelum 3 Disember ini," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan syarikat Carsome Group di sini semalam.

Beliau berkata, strategi itu adalah inisiatif intervensi oleh kerajaan bagi memastikan pengguna mempunyai akses kepada penyelesaian yang adil dan berkesan sebelum pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Armizan berkata ketika ini melalui perundangan sedia ada, platform untuk pengguna menuntut hak mereka ialah Tuntutan Tribunal Pengguna Malaysia (TTPM).

"Mulai Januari hingga Ogos tahun ini, KPDN menerima 114 jumlah pemfailan tuntutan tebus rugi bagi kenderaan dan 187 pemfailan membabitkan kenderaan terpakai di TTPM manakala 16 aduan lain yang diterima telah dirujuk kepada pasukan rundingan khas setakat Januari hingga September tahun ini," katanya.

KPDN sedang mengkaji pelaksanaan serta penguatkuasaan perundangan berkaitan Lemon Law di Malaysia yang menyediakan hak tebus rugi kepada pembeli kenderaan bermotor dan barangan lain untuk mendapatkan remedi bagi produk yang berulang kali rosak serta gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

Remedi yang boleh dituntut di bawah Lemon Law membabitkan pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik. -BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 26

# Mydin komited laksana Kempen Beli Barangan Malaysia



DATUK Ameer Ali Mydin, Pengarah Urusan MYDIN sedang memberi penerangan kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri IGP Razarudin Husain sempena lawatan beliau di MYDIN Subang Jaya, Selangor. • Foto BERNAMA

**SELANGOR:** Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) meneruskan komitmen mempromosikan dan memperkasa produk tempatan melalui rak khas produk usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selari dengan hasrat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Kempen Beli Barangan Malaysia.

Sebagai rangkaian peruncit dan pemborong halal terbesar tempatan, inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang dan platform kepada usahawan-usahawan IKS dalam memasarkan jenama mereka cawangan pasar raya besar MYDIN di seluruh negara.

Rak khas ini mempamerkan pelbagai produk tempatan, termasuk makanan, minuman, dan barangan keperluan harian, yang dihasilkan oleh usahawan tempatan. MYDIN percaya bahawa dengan memberikan perhatian khusus kepada produk tempatan, kita dapat membantu meningkatkan daya saing mereka di pasaran dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Pengarah Urusan MYDIN, Datuk Wira (Dr) Haji Ameer Ali Mydin, berkata, "Kami selaku syarikat tempatan amat memahami cabaran yang dialami oleh usahawan tempatan bagi mempromosi produk mereka dan bersaing dengan jenama antarabangsa".

Sempena Kempen Beli Barangan Malaysia, MYDIN menggesa masyarakat untuk menyokong produk tempatan, usaha bersama-sama ini dapat membantu memajukan industri tempatan dan memberi impak positif kepada masyarakat di samping mengurangkan kebergantungan produk luar. – Bernama

Utusan Sarawak

HARI: RABU

TARIKH: 16/10/2024

M/SURAT: 5

# 12,519 kes langgar Akta Timbang Sukat

**SHAH ALAM:** Sebanyak 12,519 kes berhubung kesalahan di bawah Akta Timbang Sukat (ATS) 1972 direkodkan bahagian penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi tempoh 2020 hingga September lepas di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDN, Aris Mamat berkata statistik itu mencerminkan usaha konsisten dan proaktif pihaknya untuk memastikan integriti timbangan dan sukatan dalam urusan jual beli dipatuhi oleh peniaga demi kepentingan pengguna.

"KPDN komited melindungi pengguna dan konsisten memastikan peniaga mematuhi piawaian ditetapkan dan mereka yang didapati melakukan penyelewengan atau ketidakpatuhan peraturan tidak akan terlepas berhadapan dengan tindakan penguatkuasaan yang tegas.

"Adalah diingatkan pelanggaran peruntukan di bawah ATS 1972 jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM40,000, penjarakan maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya dan alat timbang sukat itu boleh dimohon lucut hak daripada mahkamah," katanya.

Terdahulu, beliau mengetuai 20 anggota penguat kuasa KPDN melakukan pemeriksaan mengejut ke atas tiga stesen minyak di sekitar Kuala Selangor bagi memastikan sukatan penandaan minyak dibayar oleh pengguna adalah sama dengan kuantiti minyak yang dibekalkan oleh stesen melalui pam minyak.

Operasi sekitar tiga jam bermula 9.00 pagi itu turut disertai syarikat dilantik (SDL) iaitu De Metrology Sdn Bhd (DMSB) selaku pihak berwibawa dan kompeten bagi membuat penilaian dan menjalankan perkhidmatan penentusahan alat timbang atau sukat.

Mengulas lanjut, Aris berkata hasil pemeriksaan pematuhan penguatkuasaan ATS 1972 ke atas stesen minyak turut membawa kepada tindakan membanteras penyelewengan bahan api bersubsidi jenis diesel di bawah Ops Tiris yang merekodkan nilai rampasan bermula Januari hingga September tahun ini sekitar RM16.5 juta.

"Ini sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan rampasan diesel sepanjang 2020 hingga 2024 adalah sebanyak RM52.68 juta," katanya.

Berhubung pemeriksaan mengejut itu, Aris berkata, ia menumpukan kepada beberapa aspek penting seperti ketepatan pam minyak dan meter, pemeriksaan cap sah ditentusahkan oleh SDL, menguji ketepatan isi padu bahan bakar yang dipam serta semakan ke atas rekod penyelenggaraan peralatan timbang dan sukat.

Beliau berkata semakan mendapati semua stesen minyak tertakluk mematuhi peraturan-peraturan timbang dan sukat serta peraturan-peraturan perniagaan yang telah ditetapkan.

"Berhubung tindakan penguatkuasaan di bawah ATS di Selangor, kita dapati sebanyak 283 kes direkodkan dari Januari hingga September lepas yang melibatkan nilai rampasan sejumlah RM2.8 juta," katanya. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU

TARIKH: 16/10/2024

M/SURAT: 9

# Tidak perlu guna Akta SOSMA dalam siasatan GISBH – PN

**KUALA LUMPUR:** Perikatan Nasional (PN) menggesa kerajaan tidak menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dalam penyiasatan melibatkan Global Ikhwan Services Business Holdings (GISBH).

Ketua Whip pembangkang, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, pihak kerajaan yang terlibat dalam menjalankan siasatan terhadap GISBH yang didakwa menyebarkan ajaran sesat sebaliknya perlu menggunakan akta-akta sedia ada.

"Kalau ada kes mengenai penyelewengan akidah, ambil tindakan di bawah undang-undang berkaitan. Kalau ada kes melibatkan jenayah, ambil tindakan di bawah kanun jenayah atau yang berkaitan. Kalau (disabit salah) di bawah perniagaan, ada undang-undang tertentu yang boleh digunakan.

"Sebagai contoh, Menteri Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Datuk Armizan Mohd. Ali mengatakan bahawa pendaftaran GISBH boleh terbatal jika langgar peraturan. Jika (GISBH) melanggar peraturan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mereka boleh ambil tindakan.

"Ia bukan soal perniagaannya ada di 18 buah negara (sehingga) menyusahkan penyiasatan. Ini tidak susah. Tidak perlu menggunakan Akta SOSMA sama sekali dalam kes ini. Kami melihat ini adalah satu pengurusan tidak cermat," katanya pada sesi perbahasan laporan mengenai GISBH di Dewan Rakyat, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: RABU

TARIKH: 16/10/2024

M/SURAT: 8

# Makanan sihat mahal

**PETALING JAYA:** Peningkatan harga makanan sihat di negara ini hampir empat peratus dalam tempoh empat tahun merupakan antara faktor rakyat memilih makanan segera dan kurang berkhasiat yang lebih murah sekali gus menyumbang kepada peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Menurut Hab Data Makanan Untuk Nutrisi dikeluarkan Kumpulan Bank Dunia, statistik menunjukkan berlaku peningkatan kos makanan sihat sejak tahun 2017 hingga 2020 iaitu antara 3.22 dan 3.52 peratus.

Selain itu, data sama juga menunjukkan peratusan populasi rakyat yang tidak mampu membeli makanan sihat berada dalam lingkungan 1.90 dan 2.60 peratus sekali gus memperlihatkan harga mempengaruhi mereka untuk memilih produk kurang berkhasiat.

Malah Laporan Trend Makanan dan Barang Runcit Grab Malaysia 2023 menunjukkan makanan segera seperti ayam goreng, burger dan minuman manis menjadi pilihan utama kalangan pengguna.

Sebagai perbandingan, semakan di aplikasi Price Catcher mendapati harga mi segera dalam lingkungan harga RM4.20 dan RM5.79 bagi setiap pek berbanding sayur-sayuran seperti kubis, lobak merah dan bayam yang boleh mencecah sehingga RM11.50 setiap kilogram.

Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah berkata, makanan sihat bukanlah satu kemewahan tetapi satu keperluan yang perlu dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira lapisan masyarakat.

Katanya, dengan akses lebih mudah kepada makanan sihat, masyarakat dapat mengamalkan pemakanan yang seimbang dan meningkatkan taraf kesihatan secara menyeluruh.

"FOMCA menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar obesiti dan penyakit berkaitan gaya hidup termasuk usaha ke arah pengenalan Cukai Makanan Tidak Sihat.

"Namun pelaksanaan cukai ini harus disertai dengan strategi yang komprehensif agar kesihatan masyarakat dapat ditingkatkan secara menyeluruh. Langkah ini perlu merangkumi pendidikan mengenai pilihan pemakanan sihat serta akses yang lebih mudah dan murah kepada makanan sihat," katanya kepada Mingguan Malaysia.

Sebelum ini, hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 meletakkan rakyat Malaysia kini hidup di tengah-tengah krisis NCD apabila menunjukkan 2.3 juta rakyat dewasa berhadapan masalah itu berbanding 1.7 juta seperti pernah direkodkan pada 2019.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 7

B40 minta kerajaan stabilkan barang keperluan

# 'Kekalkan jika tidak boleh turunkan harga'

MENJELANG *Belanjawan 2025* MALAYSIA MADANI

Oleh NUR HIDAYAH MOHD. ROZID

RAWANG – Golongan B40 menuntut agar kerajaan memastikan harga barangan keperluan seperti gula, tepung, minyak masak dan telur ayam kekal stabil meskipun tidak mampu menurunkan harganya.

Tinjauan *Kosmo!* di sebuah pasar raya di sini mendapati, rata-rata golongan B40 menyuarakan harapan agar kerajaan mencari penyelesaian terhadap masalah kos sara hidup yang semakin meningkat melalui Belanjawan 2025.

Seorang peniaga nasi lemak, Shahdan Mahani, 51, berkata, dia berharap kerajaan 'mengawal' harga barangan keperluan yang sudah sedia tinggi.

"Jika penurunan harga tidak dapat dilaksanakan, saya mohon agar harga tersebut dapat dikekalkan pada tahap sekarang," ujarnya di sini semalam.

Seorang suri rumah, Rohayu Abdullah, 59, turut berkongsi pengalamannya yang terpaksa berjimat dengan mengurangkan belian barang keperluan.

"Dulu, saya boleh membeli 30 biji telur ayam, sekarang terpaksa kurangkan kepada hanya 10 biji.

"Saya juga terpaksa bertukar kepada jenama berbeza untuk menjimatkan kos kerana ada jenama lain lebih murah berbanding jenama yang selalu saya beli," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang kerani, Hazran Ismail, 27, menyatakan bahawa hidupnya kini lebih mencabar akibat kenaikan harga barang.

"Kadangkala, saya terpaksa membuat kerja sampingan bagi menambah pendapatan," katanya.

Katanya, dia kini membuat pembelian dengan lebih berhati-hati, membeli dalam kadar yang lebih sedikit dan makan mengikut keperluan sahaja.

"Barangan seperti telur ayam, minyak masak dan beras antara barangan yang penting kerana itu merupakan makanan ruji bagi seseorang yang menetap di Malaysia," jelasnya.

Tambahnya, dia berharap keluhan daripada golongan kurang berkemampuan ini dapat membuka mata pihak kerajaan untuk mencari kaedah terbaik dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang meningkat.



KERAJAAN digesa supaya mencari kaedah terbaik bagi membantu menstabilkan harga barangan sekali gus mengatasi beban kos sara hidup dihadapi rakyat. – GAMBAR HIASAN

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 8

# KDN sahkan ahli GISBH mengaku amal ajaran Aurad Muhammadiah

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengesahkan ada pengakuan bahawa ahli dan pengikut GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) masih lagi mengamalkan kepercayaan Aurad Muhammadiah yang diwarisi sejak era Al-Arqam.



**SAIFUDDIN NASUTION**

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia hasil soal siasat ke atas ahlinya yang ditahan.

"Kalau ada kenyataan di luar yang menyebut bahawa mereka tidak lagi mengamalkannya, itu kenyataan mereka.

"Kita hanya bercakap berasaskan butiran dan dapatan siasatan," katanya dalam di Dewan Rakyat pada Selasa.

Menurut Saifuddin, polis dan beberapa agensi di bawah KDN sedang giat menjalankan siasatan menyeluruh.

Beliau turut mengakui siasatan tersebut sangat kompleks kerana ia ikut melibatkan rangkaian syarikat yang beroperasi di dalam dan di luar negara.

"Ia melibatkan 18 negara luar dan fokus adalah terhadap tujuan untuk menyembunyikan sifat sebenar operasi di depan wajah perniagaan. Ada elemen penyebaran ajaran menyimpang yang telah pun dibuat keputusan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. GISBH ini adalah inisiatif ketiga.

"Inisiatif dikaitkan GISBH sebelum ini ialah pertubuhan Al-Arqam dan disusuli dengan Rufaqa Corporation Sdn Berhad. Status kedua-duanya diharamkan meliputi gerakan pertubuhan, aktiviti dan bahan penerbitan.

"Dalam konteks inilah PDRM beri tumpuan kepada beberapa undang-undang penting yang berkaitan termasuklah terhadap operasi syarikat dan aspek kebajikan serta perlindungan terutama kanak kanak dan wanita," katanya.

Pihak berkuasa jelasnya mengguna pakai akta-akta yang di bawah kawal selia KDN khususnya polis.

"Siasatan juga membabitkan sejumlah agensi termasuklah Kementerian Pendidikan termasuk juga Kementerian Wanita, Keluarga dan Kanak-Kanak.

"Kita juga ada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Kimia, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pendaftar Pertubuhan, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan senarainya yang panjang," jelasnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 16/10/2024
M/SURAT: 1

# Lebih 700 penguatkuasa sertai Operasi Mega akta merokok



KOTA KINABALU: Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Asits Sanna (**gambar**) mengetuai seramai lebih 700 anggota dan pegawai pelbagai agensi penguatkuasaan melaksanakan Operasi Mega Bersepadu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di sekitar bandar raya ini, pada Selasa.

Antara agensi terlibat ialah Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan operasi berkenaan Dr Asits berkata ia dilaksanakan dalam bentuk pengawasan pendidikan kepada golongan yang terkesan antaranya untuk memastikan setiap premis makanan meletakkan papan tanda larangan merokok.

"Selepas pelaksanaan operasi pengawasan pendidikan kita akan melaksanakan penguatkuasaan daripada aspek pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025, turut termasuk aspek pembungkusan dan pelabelan akan dikuatkuasakan mengikut produk selewat-lewatnya 1 Okt 2025 serta kawalan jualan, termasuk pameran di kaunter jualan yang akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 April 2025.

"Pada hari ini kita berharap dapat melaksanakan operasi di 80 peratus premis yang ada di sekitar Kota Kinabalu dan operasi ini akan terus kita laksanakan," katanya.

Beliau juga berharap agar penguatkuasaan akta baharu berkenaan dapat mencapai objektifnya demi kesihatan awam dan melahirkan generasi baharu bebas asap rokok.

"Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa kerajaan telah berbelanja besar untuk merawat pelbagai penyakit kronik akibat kesan merokok.

"Atas sebab ini, intervensi awal perlu dilaksanakan bagi mengelak generasi masa hadapan daripada terjerumus kepada tabiat merokok dan untuk melahirkan generasi masa hadapan yang sihat tanpa asap rokok," katanya.

Sehubungan itu beliau mengharapkan penglibatan lebih banyak syarikat swasta dan agensi kerajaan untuk turut sama dalam menyokong pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 16/10/2024

M/SURAT: 7

# Lebih 700 penguat kuasa sertai Operasi Mega Bersepadu Akta 852 di Sabah

**KOTA KINABALU:** Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Asits Sanna mengetuai seramai lebih 700 anggota dan pegawai pelbagai agensi penguatkuasaan melaksanakan Operasi Mega Bersepadu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di sekitar bandar raya ini, semalam.

Antara agensi terlibat ialah Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan operasi berkenaan Dr Asits berkata ia dilaksanakan dalam bentuk pengawasan pendidikan kepada golongan yang terkesan antaranya untuk memastikan setiap premis makanan meletakkan papan tanda larangan merokok.

"Selepas pelaksanaan operasi pengawasan pendidikan kita akan melaksanakan penguatkuasaan daripada aspek pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025, turut termasuk aspek pembungkusan dan pelabelan akan dikuatkuasakan mengikut produk selewat-lewatnya 1 Okt 2025 serta kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan yang akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 April 2025.

"Pada hari ini (semalam) kita berharap dapat melaksanakan operasi di 80 peratus premis yang ada di sekitar Kota Kinabalu dan operasi ini akan terus kita laksanakan," katanya.

Beliau juga berharap agar penguatkuasaan akta baharu berkenaan dapat mencapai objektifnya demi kesihatan awam dan melahirkan generasi baharu bebas asap rokok.

"Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa kerajaan telah berbelanja besar untuk merawat pelbagai penyakit kronik akibat kesan merokok.




**RASMI: Dr. Asits (kanan), melakukan simbolik pelancaran Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Rokok dan Kesihatan Awam di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Kota Kinabalu, dekat Kota Kinabalu, semalam.** — Gambar Bernama

"Atas sebab ini, intervensi awal perlu dilaksanakan bagi mengelak generasi masa hadapan daripada terjerumus kepada tabiat merokok dan untuk melahirkan generasi masa hadapan yang sihat tanpa asap rokok," katanya.

Sehubungan itu beliau mengharapkan penglibatan lebih banyak syarikat swasta dan agensi kerajaan untuk turut sama dalam menyokong pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852. — Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 16 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 16-Oct | Lebih 10,000 dakwat pencetak Epson palsu dirampas | https://malaysiagazette.com/2024/10/15/lebih-10000-dakwat-pencetak-epson-palsu-dirampas/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 16-Oct | KPDN Selangor Dedah Peniaga Boleh Didenda Hingga RM50,000 Jika Tidak Pamer Resit Lengkap | https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2024/10/15/kpdn-selangor-dedah-peniaga-boleh-didenda-hingga-rm50000-jika-tidak-pamer-resit-lengkap/ | THE RAKYAT POST |
| 16-Oct | 12,519 Kes Kesalahan Akta Timbang Sukat – KPDN | https://malaysiaaktif.my/2024/10/12519-kes-kesalahan-akta-timbang-sukat-kpdn/ | MALAYSIA AKTIF |
| 16-Oct | LEBIH 700 PENGUAT KUASA SERTAI OPERASI MEGA BERSEPADU AKTA 852 DI SABAH | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2351811 | BERNAMA |
| 16-Oct | Lantik wakil Buku Negara bertaraf Senator, perkasa industri buku | https://www.buletintv3.my/nasional/lantik-wakil-buku-negara-bertaraf-senator-perkasa-industri-buku/ | BULETIN TV3 |
| 16-Oct | Kajian Data Perbukuan Negara pertama selesai - Aaron | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311015/kajian-data-perbukuan-negara-pertama-selesai-aaron | BERITA HARIAN |
| 16-Oct | KPDN perkenal dua strategi interim berhubung Lemon Law | https://www.sinarharian.com.my/article/691203/berita/nasional/kpdn-perkenal-dua-strategi-interim-berhubung-lemon-law | SINAR HARIAN |
| 16-Oct | KPDN introduces two strategies to protect consumer rights before Lemon Law finalised | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-introduces-two-strategies-to-protect-consumer-rights-before-lemon-law-finalised-IA13138145 | THE SUN |
| 16-Oct | KPDN PERKENAL DUA STRATEGI INTERIM LINDUNGI HAK PENGGUNA SEBELUM LEMON LAW DIMUKTAMAD | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2351954 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16-Oct | Lemon Law dijangka muktamad tahun depan – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/10/15/lemon-law-dijangka-muktamad-tahun-depan | MALAYSIA GAZETTE |
| 16-Oct | KPDN perkenal dua strategi interim lindungi hak pengguna sebelum Lemon Law dimuktamad | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perkenal-dua-strategi-interim-lindungi-hak-pengguna-sebelum-lemon-law-dimuktamad-491857 | ASTRO AWANI |
| 16-Oct | Dua strategi interim lindungi hak pengguna diperkenal sebelum lemon law dimuktamad | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-strategi-interim-lindungi-hak-pengguna-diperkenal-sebelum-lemon-law-dimuktamad | BERITA RTM |
| 16-Oct | KPDN perkenal 2 strategi interim lindungi hak pengguna sebelum Lemon Law dimuktamad | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1311274/kpdn-perkenal-2-strategi-interim-lindungi-hak-pengguna-sebelum-lemon | BERITA HARIAN |
| 16-Oct | KPDN bekerjasama dengan agensi berkaitan pantau harga sayur - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-bekerjasama-dengan-agensi-berkaitan-pantau-harga-sayur-armizan-491874 | ASTRO AWANI |
| 16-Oct | Jangka harga sayur naik, KPDN bincang dengan KPKM | https://mgperak.com/jangka-harga-sayur-naik-kpdn-bincang-dengan-kpkm/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 16-Oct | KPDN BEKERJASAMA DENGAN AGENSI BERKAITAN PANTAU HARGA SAYUR - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2351994 | BERNAMA |
| 16-Oct | KPDN bekerjasama dengan agensi berkaitan pantau harga sayur: Armizan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/15/kpdn-bekerjasama-dengan-agensi-berkaitan-pantau-harga- | UTUSAN BORNEO |
| 16-Oct | Jangka harga sayur naik, KPDN bincang dengan KPKM | https://malaysiagazette.com/2024/10/15/jangka-harga-sayur-naik-kpdn-bincang-dengan-kpkm/ | MALAYSIA GAZETTE |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16-Oct | Harga sayur naik: KPDN KPM berhubung harga sayur naik | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/harga-sayur-naik-kpdn-kpm-berhubung-harga-sayur-naik/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 16-Oct | KPDN bekerjasama dengan agensi berkaitan pantau harga sayur - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/691138/berita/nasional/kpdn-bekerjasama-dengan-agensi-berkaitan-pantau-harga-sayur---armizan | SINAR HARIAN |
| 16-Oct | KPDN to address possible vegetable price hikes due to monsoon - Armizan | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-address-possible-vegetable-price-hikes-due-to-monsoon-armizan-MA13138004 | THE SUN |
| 16-Oct | Kerjasama KPDN, Bank Negara bantu pengguna membuat tuntutan | https://www.kosmo.com.my/2024/10/15/kerjasama-kpdn-bank-negara-bantu-pengguna-membuat-tuntutan/ | KOSMO |
| 16-Oct | PENARI JADI DUTA PERKENAL PELBAGAI TARIAN MALAYSIA DI JEPUN | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2352040 | BERNAMA |
| 16-Oct | Penari jadi duta perkenal pelbagai tarian Malaysia di Jepun | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144616/penari-jadi-duta-perkenal-pelbagai-tarian-malaysia-di-jepun | HARIAN METRO |
| 16-Oct | KPDN periksa sukatan penandaan di stesen minyak di Kuala Selangor | https://malaysiagazette.com/2024/10/15/kpdn-periksa-sukatan-penandaan-di-stesen-minyak-di-kuala-selangor/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 16-Oct | MYDIN sokong usahawan IKS, lancar Kempen Beli Barangan Malaysia | https://www.tvsarawak.my/2024/10/15/mydin-sokong-usahawan-iks-lancar-kempen-beli-barangan-malaysia/ | TV SARAWAK |
| 16-Oct | Didenda RM40,000 seleweng 3,844 liter diesel tanpa lesen | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/didenda-rm40000-seleweng-3844-liter-diesel-tanpa-lesen/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 16-Oct | Pencuci kereta miliki diesel tanpa lesen didenda RM40,000 | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1144502/pencuci-kereta-miliki-diesel-tanpa-lesen-didenda-rm40000 | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16-Oct | Hidupkan semula program tebus baucar buku, bantu semarak budaya membaca | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/15/hidupkan-semula-program-tebus-baucar-buku-bantu-semarak-budaya-membaca/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 16-Oct | Kajian Data Perbukuan Negara perkasa industri perbukuan negara | https://www.tvsarawak.my/2024/10/15/kajian-data-perbukuan-negara-perkasa-industri-perbukuan-negara/ | TV SARAWAK |
| 16-Oct | Kajian Data Perbukuan Negara pertama selesai - Aaron | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-data-perbukuan-negara-pertama-selesai-aaron-491869 | ASTRO AWANI |
| 16-Oct | Lebih 700 penguat kuasa sertai Operasi Mega Bersepadu Akta 852 di Sabah | https://www.tvsarawak.my/2024/10/15/lebih-700-penguat-kuasa-sertai-operasi-mega-bersepadu-akta-852-di-sabah/ | TV SARAWAK |
| 16-Oct | 12,519 cases under Weights and Measures Act recorded as of September - KPDN | https://thesun.my/malaysia-news/12519-cases-under-weights-and-measures-act-recorded-as-of-september-kpdn-MA13136974 | THE SUN |
| 16-Oct | 12,519 kes langgar Akta Timbang Sukat dari 2020 hingga September lalu | https://selangor-kini.my/2024/10/12519-kes-langgar-akta-timbang-sukat-dari-2020-hingga-september-lalu/ | SELANGOR KINI |
| 16-Oct | 12,519 KES LANGGAR AKTA TIMBANG SUKAT DIREKODKAN SEHINGGA SEPT LEPAS - KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2351881 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT